



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**Sabtu, 24 Disember 2022**

<b>1.</b>	<b>Peruncit pilih telur tempatan</b>
<b>2.</b>	<b>Pelanggan tidak mahu beli telur import</b>
<b>3.</b>	<b>Telur gred C kurang di Melaka</b>

DISEDIAKAN OLEH:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**



Ayam	RM8.50	Telur Gred A	RM13.50	Gula Pasir	RM2.85
Daging Lembu Tempatan	RM44.29	Ikan Kembung	RM15.90	Bawang Besar Holland	RM2.90
Daging Lembu Import	RM50.90	Minyak Masak	RM6.90	Bawang Putih	RM4.99

Cili Merah	RM0.99
Kubis Bulat Tempatan	RM3.49
Tepung Gandum	RM3.30

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPCB/EP

Saiz telur import India lebih kecil, peniaga risau tiada pembeli

## Peruncit pilih telur tempatan

Oleh NUR HUDA dan FLORINA DERIS

**PETALING JAYA** – Telur ayam import dari India didapati masih belum dijual di kebanyakan pasar raya atau kedai-kedai runcit utama di sekitar Lembah Klang.

Ini dipercayai berpunca daripada peruncit dan pemborong yang lebih mengutamakan telur tempatan kerana risau tiada pembeli mahukan telur import.

Tinjauan Kosmo! di beberapa pasar raya dan kedai runcit di sekitar Lembah Klang semalam mendapati, hanya telur ayam tempatan yang dijual di kebanyakan premis.

Seorang peniaga kedai runcit dikenali sebagai Azman berkata, dia belum menjual telur ayam import dari India kerana bekalan telur tempatan masih lagi boleh didapati daripada pembekal.

"Setakat ini walaupun tak banyak, saya masih boleh dapat telur tempatan daripada pembekal. Contohnya semalam (kelmarin) saya dapat 50 papan telur tempatan dan kesemuanya habis dijual dan pagi ini dapat lebih kurang 40 papan telur tempatan."

"Tambah pula, saya dapati telur import dari India bersaing agak kecil jika dibandingkan dengan telur gred C. Saya bimbang pelanggan tidak mahu beli," ka-



BEBERAPA pelanggan memilih untuk membeli telur ayam tempatan berbanding telur import (kiri) yang dijual di sebuah pasar raya di Lembah Klang semalam.

tanya kepada Kosmo!

Selain itu, seorang pengurus pasar raya dikenali sebagai Yin berkata, setakat ini tiada pelanggan yang seperti berminat untuk membeli telur import tersebut.

"Setakat ini tidak ada lagi pelanggan yang bertanya mengenai telur import India itu."

"Pasar raya kami juga masih boleh dapat bekalan telur keluaran tempatan, jadi belum ada perancangan untuk menjual telur import."

"Tambah pula, agak berisiko untuk menjual telur import itu kerana kita bimbang tidak ada pelanggan mahu membelinya," ujarnya.

Sementara itu, seorang peniaga nasi lemak, Hasimah Jaafar, 60, berkata, setakat ini dia masih menggunakan telur tempatan bagi hidangan nasi lemak yang dijual di kedainya.

Katanya, meskipun telur tempatan agak sukar diperoleh sekarang, dia masih berusaha untuk

mendapatkan bekalan berikutnya dengan kualiti telur-telur dari negara berkenaan.

Baru-baru ini Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) membenarkan kemasukan telur ayam import dari India melalui laluan udara sebagai fasa percubaan.

MAFS telah membawa masuk telur ayam dari negara luar itu untuk menampung kekurangan bekalan telur yang sedang dihadapi negara bulan lalu.

## Telur gred C kurang di Melaka

**MELAKA** – Bekalan telur ayam tempatan di Melaka disahkan berlaku kekurangan, namun tidak serius sehingga menjelaskan golongan peniaga dan pengguna.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pengerangan, Tenaga Kerja dan Hal Ehsan Pengguna negeri, Ngwe Hee Sem berkata, kekurangan bekalan hanya bagi gred C, manakala gred A dan B masih stabil.

"Kekurangan bekalan itu berlaku berikutan permintaan yang tinggi daripada pengguna sewaktu musim cuti sekolah dan perayaan Krismas."

"Memang bekalan telur di Melaka ada kekurangan tetapi ia tidak terlalu serius dan orang ramai atau peniaga masih boleh mendapatkan bekalan tersebut," katanya.

Bellau berkata demikian selepas melancarkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2022 di sebuah pasar raya di Peringgit di sini semalam.

Tambahnya, meskipun begitu, orang ramai masih boleh membeli telur gred D serta E yang tidak dikawal harga oleh kerajaan.

"Kita turut menantikan telur import dari India yang dijangka dapat menampung kekurangan bekalan yang berlaku di negeri ini."

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKSJ) negeri juga mengadakan banyak perbincangan dengan pihak penternak di Melaka agar dapat mengimbangi kekurangan bekalan," katanya.

Ujarnya, setakat ini KPDNKSJ tidak menerima sebarang aduan berkaitan kenaikan harga telur luar biasa kerana pihak peruncit dan pasar raya dilihat mematuhi harga yang ditetapkan.

Kerajaan sebelum ini memaklumkan akan mengimport sekurang-kurangnya dua hingga 10 juta biji telur sehari untuk menampung keperluan dan permintaan tinggi di pasaran selain bagi tujuan pengawalan harga.

Pengimportan telur ayam tersebut telah bermula sejak 15 Disember lalu dengan permulaan kemasukan sebanyak 100,000 biji telur.

## 'Pelanggan tidak mahu beli telur import'

**GEORGE TOWN** – Pembekal dan peruncit di negeri ini memilih untuk tidak menjual bekalan telur ayam dari India berikutan tiada langsung permintaan daripada pelanggan terutama isi rumah selain majoritinya menolak pembekalan import itu.

Rata-rata yang ditemui Kosmo! di sini semalam mendakwa, mereka tidak mahu sesekali hilang kepercayaan daripada pelanggan tetap sekiranya memasarkan telur ayam import disebabkan ramai yang masih waswas dengan status produk keluaran negara luar itu.

Seorang pengusaha kedai runcit di daerah Timur Laut yang mahu dikenali sebagai Aishah, 45, berkata, dia sanggup keluar mencari sendiri bekalan telur ayam tempatan di pasar raya untuk dijual di premisnya ketika ini semata-mata bagi memenuhi keperluan para pelanggannya.

Dakwanya, ini kerana pihak pembekal telur ayam tempatan



TELUR import masih belum boleh didapati di pasaran tempatan.

kini hanya lebih mengutamakan peniaga atau pengusaha di restoran makanan yang besar berbanding peniaga-peniaga kecil kedai runcit.

"Permintaan terhadap telur ayam tempatan gred B amat tinggi dalam kalangan pelanggan

terutama isi rumah berbanding gred C yang terlalu kecil saiznya. Pelanggan berkali-kali menolak membeli telur dari India kerana barangan keperluan itu dikatakan berbeza sekali dengan yang tempatan."

"Mereka mendakwa, telur

dari India mempunyai bau selain saiznya yang kecil seperti gred C, manakala warna kulit telurnya pula seakan-akan telur ayam kampung iaitu putih.

"Disebabkan perkara ini, saya tidak mahu hilang kepercayaan daripada pelanggan sekiranya memilih untuk menjual telur dari India," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Sementara itu, seorang pembekal telur ayam tempatan di daerah Barat Daya yang juga mahu dikenali sebagai Ahmad 38, memberitahu, setakat ini tiada lagi bekalan telur import itu berada di mana-mana premis di negeri ini.

"Saya masih kekal menjual telur ayam tempatan meskipun berdepan kekurangan bekalan yang serius sehingga ke hari ini. Ketika ini, tiada langsung permintaan terhadap telur ayam import daripada pelanggan di pasar awam, pasar mini dan kedai runcit," jelasnya.



70 PER CENT


## 'Sufficient egg supply in Penang'

**GEORGE TOWN:** The supply of chicken eggs in Penang has recovered to around 70 per cent and is sufficient to meet consumers demands, including during the Christmas season.

State Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) director S. Jegan said the supply of chicken eggs, imported from India that are already available in the market here, was expected to balance the current supply shortage of local chicken eggs.

"The supply is currently sufficient. It has recovered to about 70 per cent of normal conditions and it is sufficient for this festive season.

"Through our survey, we found that the wholesalers are getting egg supply as usual. However, there are some retailers who are experiencing supply disruptions due to other factors," he said after a walkabout at the Sam Groceria in Straits Quay.



Penang Domestic Trade and Cost of Living Ministry director S. Jegan (centre) and Penang Trade, Industry and Entrepreneur Development Committee chairman Datuk Abdul Halim Hussain (right) checking on egg prices at a supermarket in George Town yesterday. BERNAMA PIC

Earlier, Jegan monitored the implementation of the state-level Maximum Price Scheme (SHMMP) for the 2022 Christmas Season in the supermarket.

Also present was state Trade, Industry and Entrepreneur Development Committee chairman Datuk Abdul Halim Hussain.

Jegan said upon monitoring of the chicken egg supply in the market, they also found that all egg grades, namely A, B and C, were available and supplies were sent to the market at least twice a week.

"It is up to the consumers to buy eggs according to the grade they want at the moment as from the supply point of view, there is no problem," he added.

Meanwhile, Jegan said from January to Dec 22, the state

KPDN had inspected 53,109 premises throughout the state and action had been taken in 733 cases.

"The total amount of the seizure was RM2.46 million and the compound amount was RM215,900.

"In terms of complaints on the supply of goods and price issues, from January to Dec 22, the total number of complaints received was 1,618, in which 458 were related to the price of goods and services, 57 related to the supply of controlled goods and the remaining 1,103 were related to other complaints," he said.

Six types of goods have been gazetted for the implementation of the SHMMP. They include imported boned-in mutton, tomatoes and green bell peppers.

Headline	The production of chicken, pork and eggs will not be affected		
MediaTitle	United Daily News (Kuching)		
Date	24 Dec 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	39,116
Page No	A5	Readership	117,348
Language	Chinese	ArticleSize	176 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 936
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,808



## 確保應節食品供足 雞豬肉雞蛋減產唯不影響

（亞庇23日訊）沙巴州农业与渔业部长拿督杰菲里吉丁岸指出，沙巴州政府已采取必要的措施，以确保圣诞节至明年农历新年期间，州内粮食特别是应节食品的供应足以应付州内民众的需求。

他表示，州内的鸡肉、猪肉以及鸡蛋的产量虽有减少，但供应量也同样足以应付州内民众的需求。

他说，州内每日生产的鸡蛋为270万粒，鸡肉的产量则平均减少10%至15%，鸡肉每年产量可达3200万只，每日宰杀量为9万只。

他续说，州内目前生猪每年产量为10万9500只，每日宰杀的猪只约为300只。

他表示，州政府有信心州内的渔获足以应付人民的需求，或许价格在佳节期间会稍涨，但在佳节是平常事情，民众无需担心。

此外，他也表示，州政府将确保基本粮食如鸡蛋、肉类与蔬菜供应处于稳定以及足够水平。

同时，他指出，州内的蔬果供应量已足够应付州内民众的需求量，每年捕获上岸的渔获数量不仅达到100%自给自给目标，亦超过沙巴人民所能消化的数量。

另外，杰菲里吉丁岸也是州副首长，他在文告中补充，州农渔业部会与其他部门以及机构合作，确保州内粮食供应充足与稳定。



杰菲里吉丁岸表示，沙巴州政府将确保基本粮食如鸡蛋、肉类与蔬菜供应处于稳定以及足够水平。